PERWIRA HABIB BANK MALAYSIA BERHAD

lwn.

DANARIS NIPPON INDUSTRIES SDN. BHD. (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI NIPPON FILTERS SDN. BHD.) & 3 LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
TUAN SURIYADI BIN HALIM OMAR PK
[GUAMAN SIVIL NO. 22-85-92]
23 JANUARI 1995

KONTRAK: *Kemudahan kredit - Salah seorang penjamin kredit seorang bangkrap - Samada seorang bangkrap berhak untuk memasuki kontrak - Kesan ke atas kontrak tersebut - Samada tuntutan plaintif terhadap penjamin lain terhalang.*

[**English** Translation of Catchwords]

CONTRACT: *Credit facility - One of the guarantors adjudged bankrupt - Whether a bankrupt has the right to enter into a contract - Effect on the contract - Whether a bar to plaintiff claiming against other guarantors.*

Plaintif telah memberi kemudahan kredit melalui debenture berjumlah RM80,000 kepada defendan pertama yang ditingkatkan kepada RM1.1 juta dan sebagai jaminan, defendan-defendan telah menandatangani surat jaminan sebagai menjamin kemudahan kredit tersebut. Defendan pertama gagal menjelaskan bayaran kemudahan kredit. Justeru itu, plaintif memohon penghakiman terus dimasukkan terhadap defendan ketiga bagi jumlah wang yang terhutang. Sebelum ini Mahkamah terlebih dahulu telah menjatuhkan penghakiman engkar terhadap defendan keempat. Defendan pertama sudah digulungkan dan writ masih belum diserahkan kepada defendan kedua. Defendan ketiga di dalam pembelaannya mengatakan bahawa sekuriti mereka iaitu debenture (Eksibit MN5 dan MN6) tidak boleh diterima pakai di sisi undang-undang kerana salah seorang dari penjaminnya telah dijatuhkan hukuman kebankrapan. Disebabkan debenture tersebut tidak boleh dikuatkuasakan maka ada pertikaian serius yang hanya boleh ditentukan di perbicaraan penuh.

Diputuskan:
Anggapan bahawa seseorang yang telah dihukum bangkrap tiada hak untuk memasuki perjanjian sehingga dilepaskan adalah satu tanggapan yang salah. Walaupun seorang daripada penjamin tersebut adalah seorang bankrap kontrak tersebut masih boleh diterima pakai dan kreditor boleh mengambil tindakan terhadap defendan ketiga. Tidak terdapat sebarang undang-undang yang menghalang plaintif dari mengemukakan tuntutannya terhadap defendan ketiga memandangkan MN5 dan MN6 mengikat mereka bersama-sama dan berasingan bertanggungjawab.

[Perintah seperti dipohon; penghakiman terus dimasukkan].

Kes-kes yang dirujuk:
Re: Kwan Chew Shen t/a Syarikat Kaaf [1987] 1 CLJ 314 ***(refd)***
Gan Hong Hoe v. Gan Kim Hee [1939] 8 MLJ (FMSR) 295 ***(refd)***
Uco Bank v. Komal Traders Pte Ltd & Ors. Suit No. 301 of 1988 High Court, Singapore ***(refd)***
Lee Wah Bank Limited v. Joseph Eu [1980] 1 MLJ 11 ***(refd)***
Syarikat Kerjasama Serbaguna Tunas Muda Sungai Ara v. Ghazali bin Ibrahim [1985] 2 MLJ 225 ***(refd)***

Sumber-sumber lain yang dirujuk:
Mallal's Digest of Malaysian and *Singapore Case Law* 1808 to 1988 Fourth Edn., Reissue Vol. 3, m. 35

Bagi pihak plaintif - Chua; T/n. Andrew TS Goh & Co.
Bagi pihak defendant - Rosfina; T/n. Bashir & Co.

PENGHAKIMAN

Suriyadi bin Halim Omar PK:

Pada 6 September 1995 plaintif telah memberi kemudahan kredit kepada defendan pertama melalui debenture yang berjumlah RM80,000. Kemudahan kredit ini telah ditingkatkan kepada RM400,000 pada 8 Ogos 1990. Pada 25 Jun 1991 sekali lagi plaintif telah meningkatkan kemudahan kredit kepada defendan pertama berjumlah RM600,000, menjadikan jumlah kredit sebanyak RM1.1 juta. Bagi menjamin kemudahan kredit ini defendan pertama dan defendan-defendan yang lain telah menandatangani satu surat jaminan pada 14 Jun 1991, malangnya defendan pertama telah gagal menjelaskan bayaran kemudahan-kemudahan kredit tersebut. Pada 12 Ogos 1991 jumlah hutang yang terakru adalah sebanyak RM1,137,948.69 berserta faedah. Plaintif melalui saman-dalam-kamar kand. (11) telah memohon penghakiman terus terhadap jumlah wang yang terhutang ini terhadap defendan ketiga.

Sebelum hari perbicaraan penghakiman terus ini Mahkamah terlebih dahulu telah menjatuhkan penghakiman engkar terhadap defendan keempat. Defendan pertama pula sudahpun digulungkan. Plaintif masih dalam proses menyerahkan writ dan penyata tuntutan terhadap defendan kedua yang dipercayai masih berada di Singapura.

Defendan ketiga dalam afidavitnya di kand. (20) menafikan tuntutan plaintif. Bagi menyokong pembelaannya defendan ketiga di perenggan 5 kand. (20) menyatakan bahawa sekuriti iaitu debenture yang ketiga yang bertarikh 25 Jun 1991 (MN5) serta debenture yang bertarikh 14 Jun 1991 (MN6) tidak boleh diterima pakai di sisi undang-undang kerana seorang daripada penjaminnya, Encik Ng Sah Tong, telah dijatuhkan hukuman kebankrapan pada 5 Disember 1990. Defendan ketiga berhujah disebabkan ketidak boleh terimaan MN5 dan MN6 di sisi undang-undang lantas tidak boleh dikuatkuasakan maka ada suatu pertikaian serius yang hanya boleh ditentukan di perbicaraan penuh.

Perkara kebankrapan ini adalah isu yang telah ditekankan oleh Peguam defendan ketiga ini. Seperti disebut sebelum ini defendan ketiga adalah salah seorang penjamin di dalam perjanjian jaminan Eksibit MN5 dan MN6 dan bukan seorang bankrap semasa perjanjian itu ditandatangani. Plaintif tidak menuntut terhadap sibankrap tersebut. Sebagai pembelaan sampingan Peguam defendan telah menyatakan bahawa terdapat peruntukan di dalam debenture berkenaan di mana plaintif mestilah terlebih dahulu mengambil tindakan menjual alat jentera defendan pertama yang bernilai lebih kurang RM600,000 bagi menghabiskan remedi plaintif. Pengemukaan pembelaan sampingan ini dikelirukan oleh diri mereka sendiri apabila Peguam bagi pihak defendan bersetuju bahawa lelongan telah dibuat oleh pemilik premis seperti yang tercatit di debenture itu. Dalam lain perkataan defendan mengakui bahawa penjualan telah tidak dilakukan oleh plaintif dan oleh itu plaintif tidak boleh dipersalahkan. Walaupun defendan menyatakan bahawa kerugian telah dialami namun tidak terdapat sebarang bukti kerugian ataupun keterangan kerugian di pihak defendan. Di sini pihak defendan "was blowing hot and cold" di mana pada asasnya mereka menyatakan bahawa jentera-jentera berkenaan harus dijual tetapi apabila jentera

berkenaan telah dijual dan defendan mendakwa ditimpa kerugian mereka di sebaliknya menyatakan barangan tersebut tidak harus dijual.

Bagi memutuskan soalan samada seseorang yang bankrap boleh memasuki suatu kontrak dan jika telah memasuki kontrak tersebut apakah kesan kontrak itu, saya telah mengkaji kes yang bertajuk *Re: Kwan Chew Shen t/a Syarikat Kaaf* [1987] 1 CLJ 314 di mana di bawah keputusan (2) dan tercatat di muka surat 319 perenggan 17 dan 18 kata V.C. George J:

> 17. Before concluding it is perhaps relevant to consider one other aspect of the matter based on the wide belief that once a person is adjudged bankrupt the right to enter into contracts ceases until such time as he is discharged.
>
> 18. This is an erroneous belief.

Juga di dalam kes *Gan Hong Hoe v. Gan Kim Hee* [1939] 8 MLJ (FMSR) 295 ditetapkan di bahagian pembukaan kes yang berbunyi:

> There is nothing in the Bankruptcy Enactment (Cap. 55) which would preclude a creditor from maintaining an action on a contract entered into by him with the debtor after the debtor has been adjudged bankrupt.

MN6 dengan jelas menghuraikan tanggungjawab setiap penjamin di mana mereka adalah bersama-sama dan berasingan bertanggungjawab (jointly and severally liable). Bagi fahaman tanggungjawab masing-masing saya merujuk kepada *Mallal's Digest of Malaysian And Singapore Case Law* 1808-1988 4th. Edn. 1994 Reissue Vol. 3 m. 35. Kes *Uco Bank v. Komal Traders Pte Ltd & Ors.* Suit No. 301 of High Court, Singapore (Yong Pung How CJ) telah dirujuk bagi membantu Mahkamah. Dalam kes ini D2 adalah seorang pengerusi dan pengarah urusan bagi syarikat D1. Ia telah menandatangani satu surat jamin dan menjamin hutang syarikat berkenaan. Surat jaminan ini telah bersama-sama ditandatangani oleh penjamin lain dan mereka bersama-sama dan berasingan bertanggungjawab. Pada 7 Julai 1992 D2 telah meletak jawatan dan perkara ini telah diketahui oleh peminjam iaitu P lantas menyaman D2 di atas jaminan tersebut. Mahkamah Tinggi selepas mendengar rayuan berkenaan memutuskan di bawah tajuk:

> Held : (1) this was a joint and several guarantee which by its wording could be executed by one person only; (2) there was no basis in law for the submission that the guarantee would lapse when he resigned from the board. It remained in effect until P released him, which did not occur. The appeal was dismissed with costs.

Kedua-dua nas ini menyokong pandangan saya bahawa walaupun seorang daripada penjamin tersebut adalah seorang bankrap kontrak tersebut masih boleh diterima pakai dan kreditor bolehlah mengambil tindakan terhadap defendan ketiga. Tidak terdapat sebarang undang-undang yang menghalang plaintif dalam kes ini mengemukakan tuntutannya terhadap defendan ketiga memandangkan MN5 dan MN6 mengikat mereka bersama-sama dan berasingan bertanggungjawab.

Bagi tujuan memutuskan samada Mahkamah boleh diperingkat ini mengeluarkan perintah seperti dipohon, saya ambil iktibar daripada kata-kata Raja Azlan Shah CJ (pada masa itu) di mana Baginda dalam kes *Lee Wah Bank Limited v. Joseph Eu* [1980] 1 MLJ 11 perenggan G berkenaan berkata:

> The remaining question therefore that arises here for our determination is whether the bank is entitled to an O. 14 judgment. The principle applicable in this sort of cases has been stated very often in this Court in recent years, the last case being in *Citibank N.A. v. Ooi Boon Leong & 2 Ors.*

> Where all the issues are clear and the matter of substance can be decided once and for all without going to trial there is no reason why the Assistant Registrar or the Judge in chambers, or, for that matter this Court, shall not deal with the whole matter under the RSC O. 14 procedure.
>
> In the result the appeal is allowed and there will be an O. 14 judgment in favour of the bank for RM40,832.92 with costs here and below.

Juga saya akur kepada kata-kata Mohamed Dzaiddin J (pada masa itu) dalam kes *Syarikat Kerjasama Serbaguna Tunas Muda Sungai Ara v. Ghazali bin Ibrahim* [1985] 2 MLJ 225 di muka surat 226 antara F dan I kanan di mana ia berkata:

> However, in my opinion, this is essentially a case where the triability of the issue depends upon evidence as opposed to law. The facts and circumstances as deposed and found in the affidavits filed therein are sufficient to settle the issue. Here I would adopt the statement in the judgment of Ackner LJ in *Banque de Paris v. de Naray* to the following effect:
>
> > It is of course trite law that O. 14 proceedings are not decided by weighing the two affidavits. It is also trite that the mere assertion in an affidavit of a given situation which is to be the basis of a defence does not, *ipso facto*, provide leave to defend, the Court must look at the whole situation and ask itself whether the defendant has satisfied the Court that there is a fair or reasonable probability of the defendant's having a real or *bona fide* defence.
>
> Thus, from the facts and circumstances of the case as a whole, I am satisfied that the defendant has failed to show a *bona fide* defence to the claim.

Selepas meneliti fakta yang ada Mahkamah berpandangan bahawa ini adalah suatu kes yang boleh diputuskan oleh Mahkamah tanpa melalui liku-liku perbicaraan penuh kerana defendan tidak terdaya mengemukakan suatu *bona fide* defence kepada permohonan plaintif. Bagi mengukuhkan pandangan Mahkamah terdapat dalam afidavit Mohamad Nasir bin Puteh di lampiran (12) di eksibit MN8 di mana Tetuan Bashir & Co. Peguam bagi defendan pertama dan ketiga mengakui akan hutang defendan pertama dan ketiga kepada plaintif. Justeru itu tanpa teragak-agak saya telah mengeluarkan perintah seperti yang dipohon bagi permohonan penghakiman terus ini.